

INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)  
[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



**ELEMEN PENGETAHUAN PEDAGOGIKAL KANDUNGAN  
(PPK) GURU KELAS KHAS KEMAHIRAN MEMBACA DAN  
MENGHAFAZ AL-QURAN (KKQ) DALAM PENGAJARAN  
TAJWID AL-QURAN**

*ELEMENTS OF PEDAGOGICAL CONTENT KNOWLEDGE (PCK) SPECIAL  
CLASSES OF READING AND MEMORIZING THE QURAN (KKQ) TEACHERS IN  
TEACHING QURANIC TAJWEED*

Jahidih Saili<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Sabah, Kampus Kota Kinabalu

Email: jahidihsaili@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 05.08.2021

Revised date: 20.08.2021

Accepted date: 25.08.2021

Published date: 09.09.2021

**To cite this document:**

Saili, J. (2021). Elemen Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Guru Kelas Khas Kemahiran Membaca Dan Menghafaz Al-Quran (KKQ) Dalam Pengajaran Tajwid Al-Quran. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 6 (42), 307-328.

**DOI:** 10.35631/IJEPC.642026.

**Abstrak:**

Ilmu al-Quran merupakan salah satu daripada ilmu paling penting dalam Islam. Justeru ilmu ini perlu diajar kepada orang Islam sebagai bekalan dalam kehidupan di dunia dan akhirat. Antara ilmu al-Quran yang wajib dikuasai ialah kemahiran tajwid al-Quran. Kemahiran ini sangat penting untuk memastikan ayat al-Quran dibaca mengikut hukum dan kaedah bacaan yang betul dan maksud ayat yang dibaca selari dengan maksud ayat yang sebenar. Bagi mencapai Hasrat ini, guru al-Quran termasuk guru Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) perlu menguasai kaedah pengajaran tajwid al-Quran yang berkesan dengan menguasai Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK). Kajian terdahulu mendapati guru KKQ mempunyai kurang pengetahuan mengenai PPK dan aplikasi pengetahuan ini pengajaran tajwid al-Quran berada pada tahap yang rendah. Justeru, kertas konsep ini membincangkan mengenai elemen PPK yang perlu dikuasai oleh guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran. Berpandukan teori dan kajian lepas, kajian ini mencadangkan lima elemen PPK yang perlu dikuasai oleh guru KKQ untuk menghasilkan pengajaran berkesan dalam pengajaran tajwid al-Quran iaitu pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan tentang pelajar dan pengetahuan kurikulum dan kemahiran al-Quran guru.

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)**Kata Kunci:**

Pengetahuan Pedagogi Kandungan (PPK), Tajwid al-Quran, Kelas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ)

**Abstract:**

Quranic knowledge is one of the essential knowledge in Islam. This knowledge should be taught to Muslims to find happiness in the world and the hereafter. Among the Quranic sciences that are compulsory to master are the skills of the Quran. This skill is essential in ensuring that the Quranic verse is read in the correct reading method. To achieve this desire, Quranic teachers, including Special Classes of Reading and Memorizing the Quran (KKQ) teachers, need to master effective Quranic teaching methods by mastering the Pedagogical Content Knowledge (PCK). Previous studies have found that KKQ teachers have less knowledge of PCK and that this application of Quranic teaching is low. So, this concept paper discusses the elements of PPK that KKQ teachers need to master in teaching the Quranic tajwid. Guided by theory and recent studies, this study proposes five elements of the PCK that KKQ teachers need to master to produce effective teaching in the teaching of Quranic tajwid, content knowledge, pedagogical knowledge, student knowledge, and curriculum knowledge, and teacher Quran skills.

**Keywords:**

Pedagogy Content Knowledge (PCK), Quranic Tajweed, Special Skill Lesson in Recitation and Memorizing the Quran (KKQ)

**Pengenalan**

Pengajaran merupakan satu proses penyampaian ilmu daripada seorang guru kepada pelajar. Proses ini lazimnya melibatkan pelbagai aktiviti seperti perancangan, pelaksanaan, penilaian dan maklum balas (Rohizani, Shahabuddin & Mohd. Zohir, 2005). Ia perlu dirancang sebaik mungkin untuk menghasilkan pengajaran berkesan seterusnya mampu membentuk pembelajaran yang efektif di dalam bilik darjah (as-Syaibany, 1991).

Sebagai orang Islam, kita meyakini bahawa Nabi Muhammad SAW merupakan guru dan pendidik teragung sepanjang zaman (Abdul Fattah, 2011). Antara tujuan kerasulan baginda ialah mendidik manusia sebagaimana firman Allah SWT:

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ وَيُزَكِّيهِمْ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِنْ كَانُوا مِنْ قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُبِينٍ

*Maksudnya: "Dialah yang mengutus kepada kaum yang buta huruf seorang Rasul di antara mereka, yang membacakan ayat-ayatnya kepada mereka, menyucikan mereka dan mengajarkan mereka Kitab dan hikmah (as-Sunnah). dan sesungguhnya mereka sebelumnya benar-benar dalam kesesatan yang nyata."*

(Surah al-Jumu'ah 62: 2)

Dalam surah yang lain Allah SWT berfirman:

مَا أَصَابَكُمْ مِنْ حَسَنَةٍ فَمِنَ اللَّهِ وَمَا أَصَابَكُمْ مِنْ سَيِّئَةٍ فَمِنْ نَفْسِكُمْ وَأَرْسَلْنَاكَ لِلنَّاسِ رَسُولًا وَكَفَى بِاللَّهِ شَهِيدًا

*Maksudnya: “Apa saja nikmat yang kamu peroleh adalah dari Allah, dan apa saja bencana yang menimpamu maka dari (kesalahan) dirimu sendiri. Kami mengutusmu menjadi Rasul kepada segenap manusia. dan cukuplah Allah menjadi saksi.”*

(Surah Al-Nisa’ 4: 79)

Kehebatan dan keunggulan baginda sebagai seorang pendidik tidak mampu diragukan lagi. Ia terbukti melalui kegemilangan baginda membawa umatnya daripada kegelapan kepada umat yang sejahtera (Ibrahim Mamat, 1997). Sungguhpun proses ini memakan masa yang lama selama 23 tahun namun matlamat untuk melahirkan umat yang rabbani dan berilmu akhirnya tercapai. Sesungguhnya kejayaan baginda dalam mendidik masyarakat pada ketika itu berkait rapat dengan kebolehan baginda dalam memilih pendekatan yang berkesan dengan kaedah-kaedah pengajaran yang unggul dan tersendiri (Abdul Fattah, 2011).

Menurut Abdul Fattah (2011), kaedah dan teknik yang diterapkan oleh baginda dalam pengajaran mudah difahami oleh minda dan memberikan kesan kepada hati setiap pelajar. Baginda tidak mempunyai satu kaedah dan teknik tertentu yang boleh diaplikasikan dalam setiap pengajaran sebaliknya ia bergantung pada realiti pelajar yang diajar (Mohd. Yusuf, 2005). Pendekatan ini menjadikan pelajar lebih mudah untuk menerima dan faham tentang ilmu yang disampaikan oleh baginda (Yusuf al-Qardhawi, 2003). Tambahan pula, perkara yang baik bagi seseorang individu tidak semestinya memberi kesan yang baik jika diterapkan kepada individu yang lain (Yusuf Al-Qardhawi, 2003).

Antara faktor penting yang sering dipertimbangkan oleh baginda dalam melaksanakan pengajaran ialah, faktor masa, situasi, peristiwa tertentu, kesediaan pelajar, pendekatan pengajaran, kemampuan fikiran pelajar, kesesuaian isi kandungan serta kaedah pengajaran yang sesuai untuk memastikan sesi pengajaran berlangsung dengan lancar dan berkesan (Abdul Fattah, 2011). Riwayat tentang keunggulan rasulullah sebagai seorang guru dan pendidik banyak dinyatakan dalam pelbagai hadis. Antaranya ialah:

عن معاوية بن الحكم السلمي رضي الله عنه قال: بينا أنا أصلي مع رسول الله صلى الله عليه وسلم إذ عطس رجل من القوم فقلت يرحمك الله فرماني القوم بأبصارهم فقلت واثكل أمياه ما شأنكم تنظرون إلي فجعلوا يضربون بأيديهم على أفخاذهم فلما رأيتهم يصمتونني لكتي سكنت فلما صلى رسول الله صلى الله عليه وسلم فبأبي هو وأمي ما رأيت معلما قبله ولا بعده أحسن تعليما منه فوالله ما كهرني ولا ضربني ولا شتمني قال إن هذه الصلاة لا يصلح فيها شيء من كلام الناس إنما هو التسبيح والتكبير وقراءة القرآن

*Maksudnya: “Diriwayatkan daripada Sayyidina Mu’awiyah bin Hakam As-Sulaimi, bahawasanya beliau berkata: Tatkala aku sedang bersembahyang bersama Rasulullah, tiba-tiba seorang lelaki bersin, maka aku pun mendoakannya: (Moga Allah Taala merahmatimu). Lalu mereka semua memandangkanku. Aku berkata: Nescaya aku menerima satu bencana pada hari ini dan ibuku kehilanganku, kenapa kalian semua memandangkanku? Lalu mereka semua memukul paha-paha mereka. Maka tatkala aku melihat mereka semua memintaku untuk diam, maka aku diam. Setelah Rasulullah menyelesaikan solat, baginda memanggilku, dan aku bersumpah, aku tidak pernah melihat seorang guru dan pendidik sebelum dan selepas baginda yang terlebih elok kaedah pengajaran daripada baginda. Demi Allah Taala, baginda tidak mengherdikku, memukulku, dan tidak juga menghinaku. Baginda bersabda: Sesungguhnya sembahyang ini tidak harus kita mengeluarkan kata-kata*

*daripada percakapan manusia. Sebaliknya, sembahyang itu adalah tasbih, takbir dan bacaan al-Quran.”*

(Muslim 1984: 1277)

Berdasarkan kepada hadis di atas, dapat disimpulkan bahawa Rasulullah merupakan seorang guru dan pendidik yang mempunyai kaedah pengajaran yang hebat (Abdul Fattah, 2011). Baginda sangat bijak dalam menyampaikan isi pelajaran dengan cara tertentu bersesuaian dengan latar belakang pelajar sehingga mereka sangat mudah untuk menerima isi pelajaran yang disampaikan (Abdul Fattah, 2011). Pendekatan yang telah ditunjukkan oleh baginda wajar dijadikan contoh lebih-lebih lagi baginda merupakan teladan yang baik dalam segala aspek termasuklah dalam hal pelaksanaan pengajaran (Ibrahim Mamat, 1997).

### **Isu dan Permasalahan**

Kejayaan proses PdP di dalam kelas amat bergantung pada pengetahuan dan kefahaman guru terhadap suatu subjek yang diajar. Hal ini menuntut guru untuk memiliki kemahiran PPK kerana ia merupakan inti pati pengetahuan guru dalam memastikan kelancaran suatu proses pengajaran di dalam kelas. Tambahan pula, kemahiran PPK mempunyai kaitan langsung berkenaan amalan spesifik dalam pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah (Shulman, 1986). Peranan PPK sebagai pengetahuan terpenting bagi seorang guru telah lama diakui oleh ramai tokoh pendidikan. Pelbagai kajian lampau mendapati guru perlu memiliki PPK untuk menjadikan mereka seorang guru yang efektif dan mempunyai sistem pengajaran berkesan (Shulman, 1987; & Howey, 1999). Bahkan, pengetahuan ini merupakan pengetahuan asas perguruan yang perlu dimiliki oleh guru untuk menjadi seorang pendidik cemerlang dan bestari (Marks, 1990; Tengku Zawawi, 2005). Guru secara umumnya sedar akan kepentingan PPK dalam bidang perguruan. Namun begitu, tahap PPK dalam kalangan pelajar pendidikan secara umumnya masih berada pada tahap yang rendah (Verlop & Vos, 1998). Pendedahan ini amat membimbangkan kerana pengabaian terhadap pengetahuan ini akan merencatkan pengajaran dan menjatuhkan prestasi pelajar dalam akademik (Salehudin & Mahadi, 2005).

Masalah berkaitan PPK merupakan masalah umum yang menimpa guru-guru termasuk dalam kalangan guru Pendidikan Islam. Kenyataan ini terbukti melalui laporan daripada Ab. Halim et al. (2004) yang menyatakan bahawa guru-guru Pendidikan Islam masih lemah dalam aspek penguasaan ilmu, pengkaedahan PdP, personaliti, dan persekitaran guru. Fenomena seperti ini merupakan suatu masalah besar kerana ia membawa pengaruh negatif terhadap keberkesanan pengajaran guru di dalam kelas selain bertentangan dengan kehendak ajaran Islam yang mahukan guru Pendidikan Islam menjadi contoh ikutan rakan guru dan para pelajar mereka (Kamarul Azmi, 2010). Dalam konteks pengajaran tajwid al-Quran dalam KKQ, permasalahan guru berkaitan PPK biasa terjadi kerana mereka tidak mempunyai latihan dan pendedahan mengenai kemahiran ini. Menurut Azri, Jahidih & Azmil (2020), rata-rata daripada guru KKQ mempunyai kurang pendedahan dan penglibatan mengenai kursus berkaitan KKQ. Perkara ini dirumitkan lagi dengan kewujudan segelintir daripada guru KKQ yang langsung tidak pernah menghadiri sebarang kursus berkaitan pelajaran ini (Eadil, 2010). Masalah ini perlu dipandang serius kerana faktor utama yang mempengaruhi keupayaan pelajar dalam pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid selain faktor ibu bapa ialah faktor guru (Mohd Abbas & Farihatun Nadia, 2010). Pernyataan ini selaras dengan pendapat Abdul Halim El-Muhammady (1990) yang menyatakan bahawa keberkesanan dalam pendidikan bergantung pada pengajaran guru yang efektif di dalam bilik darjah.

Permasalahan guru daripada aspek pengetahuan isi kandungan mata pelajaran yang diajar merupakan suatu masalah besar yang patut dihindari oleh semua guru. Sungguh pun begitu, masih terdapat segelintir daripada guru mengalami masalah ini termasuk guru KKQ itu sendiri. Menurut Azri, Jahidih & Azmil (2020), terdapat guru KKQ bermasalah dalam aspek pengetahuan isi kandungan terutama dalam bidang qiraat Sab'ie, tarannum dan tajwid al-Quran. Hal ini tidak menghairankan lantaran wujud segelintir daripada guru KKQ yang tidak mempunyai kefahaman mendalam mengenai isi pelajaran yang dipersembahkan kepada pelajar (Ruzaimah Zainol Abidin, 2017). Tidak kurang juga terdapat sebilangan daripada guru KKQ tidak melaksanakan pengajaran dalam alur objektif pengajaran KKQ yang sebenar. Kesannya, objektif yang digariskan dalam setiap pelajaran dalam KKQ termasuk pelajaran tajwid al-Quran tidak tercapai.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa penguasaan guru yang lemah terhadap pengetahuan isi kandungan memberi kesan kepada cara pengajaran guru di dalam kelas. Guru terdorong untuk mengajar secara sambil lewa dan lebih cenderung untuk menggunakan kaedah pengajaran secara tradisional yang lazimnya menjurus kepada penggunaan sumber-sumber pendidikan yang terbatas (Dorahim & Ab. Halim, 2011). Kecenderungan bersifat negatif ini biasanya akan mempengaruhi minat pelajar terhadap pengajaran tajwid al-Quran dalam KKQ. Lazimnya pelajar akan berasa bosan, kurang aktif dan bersikap pasif terhadap pengajaran yang dijalankan. Natiujahnya, proses pengajaran berlangsung secara hambar dan tidak menarik, ia secara langsung akan memberi impak negatif terhadap keberkesanan pengajaran dan pencapaian pelajar di dalam KKQ termasuk dalam pelajaran tajwid al-Quran (JAPIM, 2019).

Selain bermasalah dalam aspek pengetahuan isi kandungan, guru KKQ juga didapati bermasalah dalam aspek pedagogi pengajaran tajwid al-Quran. Hal ini mudah dikesan melalui tindak balas pelajar ketika pengajaran sedang berlangsung dengan menunjukkan rasa tidak minat dan sebagainya. Menurut Mohd Abbas & Farihatun Nadia (2010), kaedah dan pendekatan yang digunakan dalam pengajaran tajwid al-Quran perlu dipelbagaikan di samping mampu menarik minat pelajar terhadap penyampaian isi kandungan yang disampaikan oleh guru (Azimah dan Ab. Halim Tamuri, 2010). Namun begitu, saranan ini ternyata kurang diberikan perhatian dalam pengajaran KKQ termasuklah dalam pengajaran tajwid al-Quran. Ia jelas kelihatan melalui hasil kajian Eadil (2010) yang menyatakan bahawa pendekatan dan kaedah yang diamalkan dalam pengajaran KKQ belum mencapai tahap memuaskan.

Tinjauan mendalam terhadap pelaksanaan pengajaran guru KKQ menunjukkan, wujud segelintir daripada guru KKQ yang lemah dalam penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai dalam pengajaran KKQ termasuk dalam pengajaran pelajaran tajwid al-Quran. Sebagai sebuah pelajaran berbentuk kemahiran, pelajaran tajwid al-Quran khususnya dan KKQ umumnya perlu melibatkan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar (Rohizani et al., 2003). Namun, kajian menunjukkan wujud sebilangan daripada guru KKQ yang tidak mempraktikkan kaedah ini (Azri et al., 2020). Masalah guru KKQ dalam hal berkaitan pengetahuan pedagogi turut berlaku dalam aspek penggunaan bahan bantu mengajar dalam proses pengajaran tajwid al-Quran. Masalah timbul apabila guru gagal mengeksploitasi BBM semasa proses pengajaran tajwid al-Quran berlangsung (Eadil, 2010). Berdasarkan kepada pernyataan daripada Mohd Abbas & Farihatun Nadia (2010), Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang paling disukai oleh para pelajar dalam pengajaran tajwid al-Quran ialah daripada jenis elektronik seperti radio dan kaset. Namun malangnya, dapatan daripada kajian Aderi (2011) menunjukkan, kebanyakan daripada guru KKQ mengambil jalan mudah dengan menggunakan buku teks KKQ dan papan tulis sahaja sepanjang proses pengajaran di dalam bilik darjah (Aderi, 2011). Perkara ini amat


merugikan kerana penggunaan BBM yang maksimum dalam pengajaran akan menarik minat, perhatian, dan menimbulkan rasa ingin tahu yang mendalam dan amat membantu pelajar dalam menguasai isi pelajaran yang disampaikan (Zainudin, Tengku Suhashila, Mohad. Najib & Hamdan, 2007).

Dalam aspek pengetahuan terhadap pelajar, terdapat segelintir daripada guru KKQ melaksanakan pengajaran tanpa melihat perbezaan yang berlaku dalam kalangan pelajar KKQ terutamanya dalam aspek pengetahuan tentang kognitif dan keupayaan pelajar dalam menerima isi pelajaran yang disampaikan. Guru KKQ didapati menyampaikan isi pelajaran yang terlalu tinggi bagi ukuran pelajar di samping mengajarkan isi kandungan yang terlalu banyak dalam satu-satu masa (Eadil, 2010). Permasalahan PPK guru KKQ turut berlaku dalam aspek pengetahuan kurikulum khususnya dalam pengajaran tajwid al-Quran. Menurut Mohd. Safwan (2007), sebilangan daripada guru KKQ tidak menyediakan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) dalam konteks yang betul. Guru-guru terlibat didapati menyediakan RPH berdasarkan kehendak sendiri tanpa mengikut susunan sukatan pelajaran yang disediakan. Dalam konteks pelaksanaan kurikulum KKQ, wujud sebilangan daripada guru KKQ tidak mampu melaksanakan kurikulum KKQ termasuklah kurikulum tajwid al-Quran berdasarkan masa yang ditetapkan (Mohd. Safwan, 2007). Manakala dalam aspek kemahiran al-Quran guru, wujud segelintir daripada guru KKQ tidak mampu membaca al-Quran berdasarkan qiraat Hafz dengan baik (Mohd. Safwan, 2007).

Berdasarkan kepada pelbagai permasalahan yang telah disebutkan di atas, kajian ini dilaksanakan untuk mencari dan mencadangkan beberapa penyelesaian yang sesuai untuk mengatasi pelbagai permasalahan tersebut. Tambahan pula belum wujud satu pun kajian yang menjurus secara langsung kepada PPK guru KKQ khususnya dalam pengajaran tajwid al-Quran. Diharapkan dengan adanya kajian ini, sistem pengajaran tajwid al-Quran dalam KKQ khususnya dan pendidikan al-Quran amnya akan bertambah baik seterusnya mampu melahirkan para pelajar yang mahir dalam bidang tajwid al-Quran.

### **Pendekatan Teori**

Kajian ini menengahkan teori pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) yang telah dikemukakan oleh Shulman (1986), Ibn Khaldun (2000) dan al-Qabisi (1955) yang terdiri daripada lima elemen PPK iaitu pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan terhadap pelajar, pengetahuan kurikulum dan kemahiran al-Quran guru. Teori daripada ketiga-tiga tokoh tersebut dipilih kerana Shulman (1986) merupakan pengasas kepada teori PPK sedangkan teori pengajaran yang telah dikemukakan oleh al-Qabisi (1955) lebih menjurus kepada model pengajaran al-Quran (Azmil, 2010 & Ghazali, 2001). Sementara bagi Ibn Khaldun (2000), selain daripada mengutarakan perbincangan mengenai pengajaran al-Quran, beliau banyak melakukan perbincangan mengenai isu-isu pendidikan termasuk komponen-komponen pengetahuan guru yang menjurus kepada elemen-elemen PPK seperti pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan terhadap pelajar dan pengetahuan kurikulum (Ghazali, 2001).



**Rajah 1: Teori Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Shulman (1986), Ibn Khaldun (2000) & al-Qabisi (1955)**

### ***Pengetahuan Isi Kandungan***

Pengetahuan isi kandungan merupakan kefahaman mendalam seorang guru mengenai isi kandungan suatu mata pelajaran yang diajar (Shulman, 1986; Wiseman et al., 1999; Tengku Zawawi, 2005 & Al-Qabisi, 1955). Ia merupakan salah satu daripada faktor penentu kepada keberkesanan proses pengajaran yang dilaksanakan oleh guru. Dalam proses pengajaran al-Quran, guru perlu mempersiapkan diri dengan pengetahuan isi kandungan berkenaan isi pelajaran yang akan diajar di samping mampu menterjemahkan pengetahuan isi kandungan tersebut kepada suatu bentuk yang mudah difahami oleh pelajar (al-Qabisi, 1955).

Guru-guru termasuk guru al-Quran hendaklah sentiasa meningkatkan pengetahuan isi kandungan berkenaan mata pelajaran yang diajar (Nahlawy, 1983). Ini kerana pengetahuan isi kandungan yang mendalam dapat membantu guru dalam mengolah bahan atau isi kandungan yang tercatat di dalam buku teks serta perwakilan yang digunakan oleh guru dalam menerangkan suatu konsep atau prinsip (Hashweh, 1987). Hal ini akan menjadikan pengajaran yang dilaksanakan berjalan secara lebih efektif di samping mampu meningkatkan kepercayaan dan rasa hormat para pelajar terhadap guru. Tegasnya, pengetahuan ini sangat mustahak bagi seorang guru untuk melengkapkan diri dengan sepenuhnya berkenaan isi pelajaran yang akan disampaikan kepada pelajar.

Tahap pengetahuan isi kandungan biasa dinilai berdasarkan tahap kesediaan guru mengenai suatu mata pelajaran. Menurut Abdul Halim (1999), kesediaan guru merujuk kepada penguasaan guru terhadap latar belakang teori dan kefahaman mengenai pembelajaran dan tingkah laku pelajar. Kedua-dua aspek tersebut jika digabung jalin akan menghasilkan sebuah isi pelajaran yang lebih bernilai dan bermakna kepada pelajar (Abdul Halim, 1999). Pelajar menjadi lebih mudah faham mengenai isi pelajaran yang disampaikan, di samping dapat mempraktikkan kefahaman tersebut dalam kehidupan sehari-hari. Guru jika mempunyai kesediaan mengajar yang tinggi secara tidak langsung dapat meningkatkan pengetahuan isi kandungan mengenai suatu mata pelajaran yang diajar. Hal ini memudahkan guru untuk memilih dan mempelbagaikan kaedah pengajaran sesuai dengan isi pelajaran yang diajar.

Selain faktor kesediaan guru, aspek persepsi guru terhadap suatu mata pelajaran turut menjadi faktor kepada peningkatan pengetahuan isi kandungan guru mengenai suatu mata pelajaran (Ahmad Yunus, 2011). Menurut Davis & Newstrom (1985), persepsi merupakan perihal seseorang dalam menerima dan menterjemah suatu perkara yang didengari atau dilihat ke dalam bentuk tingkah laku atau keputusan tertentu. Justeru, persepsi sangat penting kerana ia dapat menentukan keputusan akhir bagi suatu perkara. Misalnya dalam konteks pelaksanaan pengajaran, kejayaan bagi suatu objektif pengajaran bergantung pada persepsi guru terhadap objektif tersebut. Guru berpersepsi positif sudah tentu akan mengajar selari dengan objektif yang telah digariskan dan begitulah sebaliknya. Berhubung aspek persepsi mengenai tanggung jawab mengajar, al-Qabisi (1955) menjelaskan bahawa ia adalah tanggung jawab guru mata pelajaran itu sendiri.

Guru sangat dituntut untuk menguasai pengetahuan substantif dan sintaktik bagi suatu mata pelajaran yang diajar. Pengetahuan substantif dianggap sebagai sebuah pengetahuan terpenting dalam kerangka pengetahuan isi kandungan kerana ia terdiri daripada susunan fakta dan konsep bagi suatu pengetahuan (Shulman, 1986). Sementara, pengetahuan sintaktik pula merupakan perihal guru dalam memantapkan kefahaman konseptual pelajar mengenai isi pelajaran yang dipelajari dengan mengemukakan contoh dan analogi serta hujah-hujah bersesuaian dengan isi pelajaran yang disampaikan (Turner Bisset, 2004). Aplikasi pengetahuan sintaktik dalam pengajaran perlu dilakukan dengan cermat dan selari dengan realiti pelajar bagi mengelak hal-hal negatif seperti salah faham dan lain-lain lagi (Ahmad Yunus, 2011).

### ***Pengetahuan Pedagogi***

Pengetahuan pedagogi merujuk kepada kebolehan guru dalam melaksanakan tugas-tugas pengajaran dengan berkesan (Esah Sulaiman, 2004). Lazimnya, pemilihan suatu bentuk pedagogi dalam pengajaran adalah berdasarkan kepada kefahaman guru mengenai isi kandungan suatu mata pelajaran dan latar belakang pelajar yang diajar. Penguasaan terhadap pengetahuan pedagogi membolehkan seorang guru melaksanakan pengajaran secara sistematik dan terancang bermula daripada peringkat permulaan diikuti dengan peringkat perkembangan konsep dan diakhiri dengan aktiviti peneguhan dan pengukuhan (Kamarul Azmi & Ab. Halim, 2007). Pelaksanaan proses pengajaran secara sistematik dan terancang sudah pasti akan memberikan kesan positif terhadap sikap dan minat pelajar terhadap suatu mata pelajaran yang diajar. Hal ini penting kerana, sikap dan minat pelajar merupakan salah satu faktor penentu kepada pencapaian pelajar. Hal ini turut dinyatakan oleh Pitman (1988) dengan pernyataan bahawa kesediaan guru dan pendekatan pengajaran yang sesuai mempunyai hubungan yang tinggi dengan tahap motivasi pelajar, tahap pencapaian akademik dan persepsi keseluruhan keberkesanan pengajaran.

Dalam konteks pengajaran al-Quran, aplikasi pedagogi dalam pengajaran seharusnya dilaksanakan berdasarkan kepada umur dan latar belakang pelajar (al-Qabisi, 1955 & Ibn Khaldun, 2000). Guru al-Quran perlu menguasai pelbagai pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai dalam pengajaran al-Quran. Lazimnya, keberkesanan aplikasi pedagogi pada seorang guru bergantung kepada tahap penguasaan mereka terhadap beberapa elemen tersebut (Wiseman et al., 1999). Menurut Ibn Khaldun (2000), guru perlu memastikan setiap isi pelajaran dan masalah yang berlaku semasa proses pengajaran diselesaikan terlebih dahulu sebelum berpindah kepada tajuk lain. Aplikasi konsep pengajaran ini dalam pengajaran al-Quran adalah untuk memastikan para pelajar dapat menguasai isi pelajaran yang disampaikan oleh guru.



Dalam aspek penyampaian guru, Ibn Khaldun (2000) menekankan penyampaian secara berulang-ulang. Menurut beliau, pelajar pada kebiasaannya tidak mampu memahami isi pelajaran yang disampaikan pada kali pertama. Justeru guru dituntut untuk melakukan penjelasan susulan sehingga pelajar benar-benar faham mengenai isi pelajaran yang disampaikan. Menurut Chia & Abdul Rahim (2012), efek penyampaian guru secara berkesan terhadap keberkesanan pengajaran adalah sangat besar. Selain meningkatkan kefahaman pelajar terhadap isi pelajaran yang disampaikan, kebolehan ini turut mengasah bakat guru untuk mengajar secara lebih berkesan dari semasa ke semasa (Chia & Abdul Rahim, 2012).

Selain berkebolehan dalam aspek penyampaian isi pelajaran, guru juga perlu bijak dalam memotivasikan pelajar. Kajian terdahulu, misalnya kajian Haniza (2003) mengenai hubungan antara motivasi dengan pencapaian pelajar dalam bahasa Inggeris menunjukkan hubungan yang signifikan antara kedua-dua aspek tersebut. Perkaitan antara faktor motivasi dengan pencapaian pelajar dalam bidang akademik bukanlah andaian semata-mata, sebaliknya hal ini sudah terbukti melalui pelbagai kajian terdahulu. Menurut al-Qabisi (1995), motivasi pelajar untuk belajar dapat dibangunkan dengan cara memberi ganjaran yang baik atas pencapaian positif yang dicatat oleh pelajar. Tindakan ini perlu dilakukan dengan kadar yang segera dan tepat pada masa, tidak boleh ditunda sehingga pelajar hilang minat terhadap ganjaran yang diberi (Mohamad Mohsin & Nasruddin, 2008).

Aspek pengetahuan guru berkaitan elemen pengetahuan pedagogi juga perlu mencakupi aspek pengetahuan mengenai pendekatan pengajaran. Pendekatan pengajaran merupakan cerminan mengenai suatu pandangan atau falsafah yang dibentuk bertujuan untuk menyampaikan kefahaman di samping menarik minat pelajar dan memberikan keseronokan dalam belajar (Kamarudin, 1988). Dalam hal ini, Ibn Khaldun menyarankan guru agar kerap memberikan contoh yang jelas untuk meningkatkan kefahaman pelajar mengenai isi pelajaran yang disampaikan. Manakala al-Qabisi (1955) mencadangkan agar guru menekankan kaedah hafalan dalam proses pengajaran. Isi pelajaran bukan dihafal semata-mata akan tetapi perlu diulang dalam sela waktu tertentu agar isi pelajaran tersebut tidak hilang daripada minda pelajar. Seterusnya, isi pelajaran yang telah dihafal sebaik-baiknya ditulis untuk kegunaan diri sendiri atau pun untuk disimpan (Abdul Halim al-Muhammady, 1990).

Di samping itu, guru juga perlu menguasai kaedah pengajaran kerana ia merupakan pelaksana kepada pendekatan pengajaran yang dipilih dalam suatu pengajaran. Kamarudin (1988) mendefinisikan kaedah pengajaran sebagai sebuah rancangan secara menyeluruh untuk menyampaikan suatu pengetahuan secara teratur tanpa kewujudan pertentangan maklumat dan dijalankan berdasarkan kepada pendekatan pengajaran yang dipilih. Manakala Esah (2004) pula berpendapat bahawa kaedah pengajaran merupakan aktiviti pengajaran yang mengandungi langkah-langkah yang tersusun dan dalam tiap-tiap langkah itu pula wujud kemahiran dan latihan yang terancang. Dalam aspek kaedah pengajaran, al-Qabisi (1955) amat menekankan kaedah pengajaran secara berkumpulan. Walau bagaimanapun, kaedah ini mudah untuk menyembunyikan kelemahan pelajar. Justeru, beliau turut mencadangkan agar guru mempraktikkan kaedah pengajaran secara individu untuk mengatasi masalah tersebut.

Selain mahir dalam menggunakan pendekatan dan teknik dalam pengajaran, guru juga perlu tahu menggunakan teknik pengajaran yang betul sesuai dengan mata pelajaran yang diajar. Menurut Azman (1998), teknik merupakan perihal pengajaran yang berlaku di dalam kelas. Tiap mata pelajaran mempunyai teknik pengajaran yang tersendiri. Hal ini ditegaskan oleh al-Ghazali (2003) bahawa, tidak terdapat teknik tertentu yang sesuai untuk diketengahkan dalam

pengajaran sesuai dengan semua mata pelajaran. Sebaliknya, teknik pengajaran adalah berbeza-beza sesuai dengan ciri-ciri mata pelajaran itu sendiri. Umpamanya, dalam konteks pengajaran tajwid al-Quran, teknik pengajaran secara demonstrasi lebih sesuai digunakan kerana pelajaran ini bersifat kemahiran (Rohizani et al., 2003). Teknik pengajaran yang sesuai dengan ciri-ciri mata pelajaran menjadikan pelajar lebih mudah faham mengenai isi mata pelajaran yang disampaikan (Fathiyah, 2013).

### ***Pengetahuan Terhadap Pelajar***

Pengajaran al-Quran perlu dilakukan berdasarkan latar belakang dan kebolehan pelajar. Oleh itu, guru perlu berinisiatif untuk meningkatkan pengetahuan terhadap pelajar sebelum memulakan pengajaran (Ibn Khaldun, 2000). Pengetahuan terhadap pelajar merupakan kebolehan guru dalam mengenal pasti cara pelajar belajar dalam aspek gaya pembelajaran, minat serta kebolehan, sikap dan kepercayaan, serta masalah pembelajaran yang dihadapi (Tengku Zawawi, 2005). Menurut Ibn Khaldun (2000), konstruk elemen pengetahuan ini mencakupi aspek pengetahuan mengenai kemampuan, persiapan, perkembangan, perbezaan individu, kesesuaian pengajian dan pertumbuhan pelajar. Pengetahuan terhadap pelajar merupakan asas bagi guru untuk memilih pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai untuk digunakan dalam pengajaran (Zamri, 2011). Komponen pengetahuan ini tidak boleh diabaikan memandangkan ia merupakan salah satu daripada faktor penentu kepada keberkesanan penyampaian isi kandungan pelajaran seorang guru kepada pelajar (Ibn Khaldun, 2000).

Setiap guru termasuk guru al-Quran perlu mengelak daripada mengajarkan ilmu yang tidak bersesuaian dengan keupayaan fikiran dan latar belakang pelajar bagi mengelak pelajar berasa bosan, keliru dan menyalahgunakan ilmu yang diterima (al-Ghazali, 1939). Perkara ini turut disebut oleh Miqdad (1986) dengan pernyataan bahawa pengajaran seharusnya dilakukan dengan menggunakan bahan rujukan yang sesuai dengan tahap perkembangan, kematangan, pengetahuan dan usia pelajar. Rasulullah SAW sebagai pendidik terulung telah menunjukkan contoh terbaik dalam aspek pedagogi dengan mengambil berat perbezaan pelajar dalam suatu proses pengajaran (Abdul Fattah, 2011). Baginda telah menggunakan pendekatan dan teknik komunikasi yang berlainan kepada para sahabat serta benar-benar memahami dan mengetahui kemahiran dan kemampuan mereka (Ahmad Yunus, 2011).

Ali Murad (2003) mempunyai pandangan tersendiri berkaitan pengetahuan guru terhadap pelajar. Beliau didapati sangat menekankan elemen pengetahuan ini dengan memberi penegasan bahawa, pengetahuan guru terhadap pelajar bukan terbatas kepada pengetahuan tentang nama pelajar semata-mata, namun perlu lebih mendalam ke dalam aspek pengetahuan mengenai keturunan, negeri asal dan keadaan kesihatan diri. Bahkan beliau amat menggesa setiap guru agar mencari kesempatan untuk menziarahi pelajar yang mengalami nasib kurang baik seperti sakit dan lain-lain lagi. Pengetahuan ini penting untuk memberikan maklumat kepada guru dalam mengenal pasti pendekatan paling sesuai untuk diketengahkan dalam proses pengajaran agar selari dengan sifat dan tabiat pelajar (Ibn Khaldun, 2000). Tambahan pula, isi pelajaran yang baik harus memiliki keseragaman yang erat dengan ciri-ciri dan lingkungan sekeliling pelajar (Ibn Khaldun, 2000).

Ibn Khaldun (2000) berpendapat, isi pelajaran yang ingin disampaikan kepada pelajar harus sepadan dengan kesediaan dan kematangan pelajar. Justeru, guru perlu mengetahui dan mengenal pasti perkembangan murid dalam segenap aspek terutama dalam hal berkaitan mata pelajaran yang diajar (Ibn Khaldun, 2000). Sementara dalam aspek pelaksanaan pengajaran, guru seharusnya memberikan peluang kepada pelajar untuk memahami dan mempraktikkan isi

pelajaran yang diajar (Ibn Khaldun, 2000). Dalam hal ini, al-Ghazali (1997) melarang guru daripada mengemukakan isi pelajaran yang tinggi dan bertentangan dengan tahap kognitif pelajar.

Isi pelajaran yang dikemukakan harus adil kepada semua pelajar. Menurut Abdul Salam (2010), hal ini boleh dicapai jika guru mengambil kira perbezaan yang wujud dalam kalangan pelajar ketika merancang pengajaran sehingga wujud keselarasan antara isi pelajaran yang ingin disampaikan dengan tahap kognitif pelajar. Bagi Felder & Henriques (1995), antara ciri perbezaan yang perlu dipertimbangkan oleh guru dalam melaksanakan proses pengajaran ialah, perbezaan mengenai gaya pembelajaran. Sedia maklum bahawa, pelajar mempunyai gaya pembelajaran yang berlainan. Boleh jadi wujud sesetengah daripada pelajar yang lebih dominan kepada gaya pembelajaran secara auditori, manakala yang lain lebih sesuai dengan gaya pembelajaran secara visual dan begitulah seterusnya. Sebenarnya, perbezaan ini amat mudah dikesan, cukup dengan melaksanakan pemerhatian ke atas tiap-tiap pelajar ketika proses pengajaran sedang berlangsung (Felder, 2006). Sementara Dunn & Dunn (1978) berpendapat, terdapat lima elemen rangsangan penentu kepada gaya pembelajaran pelajar iaitu persekitaran emosi, sosiologi, fisiologi dan psikologi. Tegasnya, pengetahuan ini perlu dikuasai oleh guru kerana ia merupakan salah satu faktor penentu kepada keberkesanan dalam pengajaran (Honey & Mumford, 1992).

Pengetahuan mengenai sosio emosi pelajar juga penting kerana ia berpengaruh secara langsung terhadap pencapaian pelajar dalam suatu mata pelajaran (Nor Hayati, 2012). Kewujudan emosi positif dalam diri pelajar dapat dibentuk dengan mencipta suasana pengajaran yang kondusif. Justeru, guru perlu memperlihatkan sifat pengasih dan sentiasa bermanis muka dengan pelajar (al-Qabisi, 1955). Guru perlu menyantuni pelajar dengan menggunakan kata-kata yang sopan sepanjang proses PdP berlangsung (Mahyuddin, 2001). Ibn Khaldun pula menyarankan kepada guru agar mendidik dengan lemah lembut, dan ketika pelajar berbuat kesalahan, mereka perlu dihukum dengan hukuman sewajarnya di samping cuba untuk mengelak daripada memberikan hukuman berbentuk kekerasan.

Guru juga perlu mempunyai pengetahuan mengenai masalah pembelajaran pelajar. Lebih-lebih lagi, pengetahuan ini merupakan salah satu daripada faktor penentu kepada prestasi akademik pelajar (Azizi & Norhashimah, 2011). Ibn Khaldun (2000) sendiri amat menitik beratkan hal ini. Beliau tidak menyempitkan hal masalah pembelajaran pelajar dengan melihat permasalahan yang berlaku di dalam kelas sahaja akan tetapi turut menerobos kepada aspek permasalahan pelajar berdasarkan silang budaya dan kedudukan sosial berbeza. Sebagai seorang guru, pengetahuan mengenai sikap pelajar terhadap suatu mata pelajaran yang diajar adalah sangat penting. Sikap merujuk kepada tingkah laku dan gerak geri manusia yang lahir berdasarkan realiti dalaman atau jiwa manusia (al-Ghazali, 1997). Bloom (1982) dan Mohd Faudzi & Fatimah (2011) menyatakan bahawa, pencapaian pelajar dalam suatu mata pelajaran mempunyai kaitan signifikan dengan sikap pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. Perkara ini berlaku kerana, sikap lazimnya menentukan reaksi pelajar terhadap suatu mata pelajaran. Pelajar jika bersikap negatif terhadap suatu mata pelajaran akan berusaha sedaya upaya untuk mengelak daripada mempelajari mata pelajaran tersebut, sebaliknya pelajar yang mempunyai sikap positif terhadap mata pelajaran yang dipelajari akan mencari jalan untuk mempelajari dan cuba untuk menguasai mata pelajaran tersebut (Wan Mat & Haslinda, 2011). Dengan adanya pengetahuan ini, guru dapat merancang strategi untuk mengelak sikap negatif pelajar terhadap suatu mata pelajaran. Kegagalan guru untuk menghalang sikap ini berisiko untuk menghalang guru daripada menyampaikan isi pelajaran secara berkesan (Turner-Bisset, 2004).

Ibn Khaldun (2000) menegaskan bahawa kemampuan pelajar dalam menerima isi pelajaran adalah berbeza-beza. Sebahagian pelajar berkemungkinan lebih mudah dan cepat dalam memahami isi pelajaran yang disampaikan sedangkan sebahagian pelajar yang lain tidak mampu memahami isi pelajaran tersebut dengan mudah. Maklumat mengenai pengetahuan pelajar dalam suatu mata pelajaran boleh ditentukan dengan mengenal pasti pengetahuan sedia ada pelajar mengenai mata pelajaran tersebut (Ahmad Ariffin et al., 2013). Perkara ini penting untuk diketahui oleh guru memandangkan pengetahuan ini dapat melancarkan proses asimilasi antara pengetahuan lama dengan yang baru (Siti Hawa, 2005).

### ***Pengetahuan Kurikulum***

Shulman (1986) menganalogikan kurikulum sebagai alat iaitu bahan serta program pengajian yang tersedia bagi setiap pelajaran. Menurut Ibn Khaldun (2000), kurikulum merupakan satu set pengajaran dan pembelajaran yang mengandungi metode, teknik, ahdaf dan alat-alat pengajaran sekolah. Beliau menambah, kurikulum juga bermaksud sejumlah pengalaman yang diperoleh oleh pelajar di bawah bimbingan dan asuhan sekolah dengan tujuan menjalankan tujuan pendidikan secara tertib. Namun begitu, kadang kala pengalaman ini juga diperoleh oleh pelajar di luar sekolah. Abu Bakar et al. (2010) berpendapat, kurikulum dikenali sebagai isi kandungan pendidikan atau pengajaran dan pembelajaran, merupakan hasil kebudayaan intelek dan pengalaman manusia berlandaskan teori epistemologi yang dikemukakan dari semasa ke semasa, dan melalui pengajaran guru, mengisi jiwa kognitif kanak-kanak dan remaja, untuk merencanakan pertumbuhan dan perkembangan mereka dengan licin tanpa gangguan.

Manakala Razali (1991) pula membahagikan definisi kurikulum kepada tiga peringkat atau bahagian iaitu:

- a. Definisi pertama adalah lebih luas meliputi segala jenis pembelajaran yang dipelajari oleh pelajar di mana-mana sahaja. Kurikulum dalam konteks ini adalah segala jenis pengalaman dan pembelajaran yang dipelajari oleh pelajar sama ada yang telah dirancang atau pun ditentukan oleh pihak sekolah atau pun tidak, dan sama ada pembelajaran dan pengalaman yang telah dipelajari itu positif atau pun negatif.
- b. Definisi kedua menggambarkan kurikulum dalam konteks yang lebih sempit daripada definisi pertama. Berbeza dengan definisi pertama, definisi kedua tidak memasukkan perkara-perkara yang tidak dirancang sebagai bahagian daripada kurikulum. Ringkasnya, definisi kurikulum pada bahagian ini ialah segala jenis pembelajaran (konsep, kemahiran dan lain-lain lagi) yang telah dirancang oleh pihak sekolah untuk dipelajari oleh pelajar.
- c. Manakala definisi ketiga menggambarkan kurikulum dalam konteks yang lebih sempit daripada definisi pertama dan kedua. Definisi kurikulum pada bahagian ini mengesampingkan pembelajaran yang tidak dirancang dan terhad kepada pembelajaran yang diperoleh di dalam bilik darjah sahaja. Kurikulum menurut definisi pada bahagian ini ialah segala jenis pembelajaran yang telah dirancang atau ditentukan yang perlu dipelajari oleh pelajar dalam suasana dan lokasi yang formal.

Dalam konteks pendidikan di Malaysia, kurikulum bermaksud segala rancangan pendidikan yang dikendalikan oleh sebuah sekolah atau institusi pelajaran untuk mencapai matlamat pendidikan. Definisi ini boleh dilihat dengan jelas dalam Akta Pendidikan, 1996 [Peraturan-peraturan (Kurikulum Kebangsaan) Pendidikan 1997] yang menjelaskan kurikulum sebagai:

*“....suatu program pendidikan yang termasuk kurikulum dan kegiatan kokurikulum yang merangkumi semua pengetahuan, kemahiran, norma, unsur kebudayaan dan kepercayaan untuk membina perkembangan seseorang murid dengan sepenuhnya dari segi jasmani, rohani, mental dan emosi serta untuk menanam dan mempertingkatkan nilai moral yang diingini dan untuk menyampaikan pengetahuan.”*

Isi kurikulum merupakan isi kandungan pelajaran yang disampaikan kepada pelajar (Razali, 1991). Menurut Shulman (1986) & Razali (1991), ia merupakan alat untuk mencapai objektif yang telah digariskan dalam sebuah kurikulum. Ini bermakna, objektif dalam sebuah kurikulum mempunyai tempat tersendiri yang begitu istimewa bahkan lebih penting daripada isi kandungan kurikulum itu sendiri (Razali, 1991). Isi kandungan sebuah kurikulum biasanya wujud dalam pelbagai bentuk. Boleh jadi ia wujud dalam bentuk andaian ataupun prinsip. Andaian merupakan sebuah maklumat yang belum disahkan. Sebaliknya, prinsip merujuk kepada maklumat yang telah diperakui kebenaran oleh pakar-pakar pendidikan (Razali, 1991).

Lazimnya, PdP isi kurikulum berlangsung dalam bentuk PdP teori atau praktikal. Perbandingan terhadap kedua-dua bentuk PdP ini mendapati isi kurikulum dalam bentuk praktikal lebih mudah dipelajari berbanding isi kurikulum dalam bentuk teori (Razali, 1991). Justeru, pelaksanaan pengajaran perlu dimulakan secara praktikal kemudian disusuli oleh pengajaran teori. Teori ini amat selari dengan pengajaran pelajaran tajwid al-Quran. Jika diteliti secara mendalam, pelaksanaan pengajaran tajwid al-Quran sebagai sebuah kemahiran agak sesuai jika diajar langsung melalui praktikal atau demonstrasi. Lagipun, pengajaran pelajaran ini memerlukan perhatian guru secara serius, mengajarkan isi pelajaran secara langsung kepada pelajar KKK dengan kaedah talaqqi musyafahah. Kaedah pengajaran ini perlu bagi memastikan para pelajar mendapat kemahiran tajwid al-Quran yang betul.

Kurikulum bersifat saintifik dan dinamik. Ini bermakna, kurikulum sentiasa mengalami perubahan dan perkembangan (Razali, 1991). Perubahan dan perkembangan ini berlaku dalam kurikulum bagi semua mata pelajaran termasuk dalam pelajaran tajwid al-Quran. Keadaan ini merupakan cabaran bagi semua guru agar sentiasa peka terhadap sebarang perubahan yang berlaku dalam kurikulum suatu mata pelajaran yang diajar. Isu ini tidak boleh dipandang enteng kerana perhatian yang serius terhadap perubahan ini merupakan salah satu jaminan bahawa isi kandungan yang disampaikan kepada pelajar merupakan isi kandungan yang sah, wujud dalam kurikulum suatu mata pelajaran. Lagipun, kemampuan guru untuk mengikuti perubahan dalam sebuah kurikulum dapat membantu guru untuk merancang pengajaran dengan lebih berkesan. Guru dapat mengeksploitasi pengetahuan sedia ada yang wujud dalam diri pelajar untuk memudahkan kefahaman pelajar mengenai isi pelajaran baru yang akan disampaikan oleh guru (Razali, 1991).

Menurut Turner-Bisset (2004), pelaksanaan sebuah kurikulum perlu didahului dengan penelitian mendalam terhadap semua bahan kurikulum yang terdapat dalam suatu mata pelajaran. Perkara ini jika diabaikan berisiko terhadap keputusan guru untuk memilih idea dan aktiviti mengajar dengan tujuan untuk menjayakan pengajaran semata-mata tanpa memikirkan keberkesanan pengajaran yang dijalankan (Turner-Bisset, 2004). Atas sebab inilah guru perlu mempunyai pengetahuan mendalam mengenai suatu kurikulum bagi suatu mata pelajaran. Kadang-kadang, guru akan mendapati kewujudan kandungan kurikulum yang susah dalam ukuran pelajar. Hal ini berlaku kerana kandungan tersebut sangat mustahak untuk dipelajari oleh pelajar (Razali, 1991). Dalam kes sebegini, guru perlu mempersembahkan kandungan

kurikulum yang lebih mudah terlebih dahulu sebelum beralih kepada penyampaian kandungan kurikulum yang lebih susah secara beransur-ansur. Kaedah penyampaian kandungan sebegini sangat dituntut kerana memudahkan pelajar untuk menerima isi pelajaran yang disampaikan selain dapat meningkatkan kefahaman mereka terhadap isi pelajaran tersebut.

Secara umumnya, isi kurikulum terdiri daripada dua jenis iaitu isi kandungan sokongan dan isi kandungan sebenar (Razali, 1991). Isi kandungan sokongan dimasukkan ke dalam kurikulum suatu mata pelajaran namun kewujudan isi kandungan ini bukan bermatlamat untuk mencapai objektif yang digariskan dalam suatu mata pelajaran akan tetapi lebih kepada membantu pelajar untuk menguasai pengetahuan sebenar dalam mata pelajaran tersebut. Kadang kala wujud segelintir daripada pelajar berhadapan dengan masalah dalam memahami isi sebenar suatu mata pelajaran. Justeru, kewujudan pengetahuan ini dijangka mampu mengatasi segala permasalahan tersebut.

Sungguhpun kewujudan isi sokongan dalam sebuah kurikulum memberikan kesan positif terhadap kefahaman pelajar mengenai isi pelajaran yang disampaikan namun, kewujudan isi kandungan ini perlu dikawal. Isi kandungan ini tidak sesuai jika didatangkan dalam kapasiti yang banyak dalam sebuah kurikulum untuk mengelak kewujudan dua kurikulum dalam satu kurikulum (Razali, 1991). Jika isi kandungan ini sangat diperlukan oleh isi kandungan sebenar dalam kapasiti yang banyak, ia perlu diletakkan dalam sebuah kurikulum berasingan. Aplikasi isi sokongan dengan isi sebenar dalam pengajaran tajwid al-Quran juga sering berlaku terutama ketika memulakan pengajaran berkenaan topik baru. Misalnya dalam konteks pengajaran tajwid al-Quran, penyampaian isi pelajaran mesti dimulakan dengan pengajaran mengenal huruf-huruf hijaiyah sebelum dikembangkan kepada pengajaran tajuk-tajuk yang lain yang wujud dalam pelajaran tajwid al-Quran. Dalam situasi ini, huruf hijaiyah diibaratkan sebagai isi sokongan kerana ia adalah asas dalam pengajaran tajwid al-Quran manakala pelajaran tajwid al-Quran itu sendiri merupakan isi kandungan sebenar.

### ***Kemahiran al-Quran Guru***

Al-Quran merupakan kalam Allah yang diwahyukan kepada Nabi Muhammad SAW yang mempunyai kelebihan tersendiri dan kesuciannya dijamin oleh Allah SWT sepanjang masa. Perkara ini telah pun dijelaskan oleh Allah SWT melalui firman-Nya yang berbunyi:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ

*Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.*

Surah al-Hijr 15: 9

Melalui ayat al-Quran di atas, jelas bahawa al-Quran itu milik Allah, bukan ciptaan manusia, Nabi Muhammad hanya melaksanakan tanggung jawab untuk menyampaikannya kepada sekalian manusia (Mohd Faisal, 2007).

Kewujudan al-Quran bukan untuk dibaca semata-mata bahkan lebih penting lagi, ia perlu dihayati kerana ia merupakan sumber segala ilmu pengetahuan dalam segenap aspek kehidupan manusia (Mohd Faisal, 2007 & Hanafi Mohamad, 1996). Matlamat ini hanya akan tercapai dengan cara mempelajari kitab suci ini dengan penuh kesungguhan berdasarkan aturan-aturan yang sepatutnya sehingga pada akhirnya ia dapat dibaca dengan betul berdasarkan tajwid dan makrajnya serta dapat memahami maksud sebenar yang terdapat pada ayat al-Quran yang dibaca (Abdul Halim El-Muhammady, 1991). Menurut al-Qabisi (1955), ilmu pertama yang

perlu diajarkan kepada kanak-kanak ialah ilmu al-Quran. Sementara Mohd Yusuf (2000) pula menjelaskan, pengajaran al-Quran perlu dilaksanakan secara berulang-ulang kerana ia mempunyai manfaat yang sangat besar di sisi Allah SWT.

Berdasarkan pernyataan di atas, jelas bahawa tuntutan untuk mempelajari al-Quran begitu besar ke atas umat Islam. Lebih-lebih lagi sebagai seorang guru al-Quran umpamanya guru KKQ, individu terbabit perlu menguasai segenap aspek kemahiran al-Quran secara sepenuhnya. Selain itu, guru al-Quran harus menyelami dan menghayati segala keistimewaan dan kelebihan isi al-Quran kemudian disampaikan kepada pelajar dalam sela waktu tertentu untuk menyuburkan minda, menerbitkan rasa cinta kepada al-Quran serta meningkatkan perasaan suka untuk mendengar, membaca, dan mempelajari al-Quran (Mohd Yusuf, 2005). Dengan demikian, tugas untuk mengajarkan kemahiran al-Quran kepada pelajar menjadi lebih mudah dan sudah tentu pada akhirnya, matlamat untuk mewujudkan penghayatan al-Quran dalam jiwa pelajar akan tercapai.

Setiap guru al-Quran seharusnya menguasai kemahiran lisan dalam aspek bacaan al-Quran. Kemahiran lisan merupakan salah satu daripada kemahiran penting yang dimiliki oleh guru dalam pengajaran al-Quran. Ia terbentuk daripada dua kemahiran kecil yang lain iaitu kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur (Chew & Abdul Jalil, 2008). Dalam konteks pengajaran al-Quran, kemahiran mendengar merujuk kepada kemahiran guru dalam mengecam, mengenal dan mengamati bacaan al-Quran yang didengar. Guru al-Quran dapat mengecam bacaan al-Quran yang berlainan di samping dapat mengenal pasti wajah qiraat yang dibaca dan jenis-jenis kesalahan yang berlaku dalam bacaan al-Quran. Kemahiran bertutur pula merupakan kemahiran guru al-Quran dalam menyebut dan membaca setiap huruf, perkataan dan ayat-ayat al-Quran berdasarkan makhraj dan sifat huruf dengan betul.

Seterusnya, guru al-Quran juga perlu memiliki kelancaran bacaan al-Quran yang baik. Menurut Resinski (1990) kelancaran bacaan dapat ditingkatkan dengan cara melaksanakan bacaan secara berulang ke atas petikan atau teks dalam selang waktu tertentu. Kaedah ini sangat efektif dalam menangani masalah kelancaran bacaan dalam kalangan mereka yang mempunyai masalah dalam membaca (Rasinski, 1990). Kaedah pengulangan menurut al-Qabisi (1955) disebut sebagai *takrar*. Beliau menegaskan bahawa pengajaran al-Quran perlu dilaksanakan secara berulang agar isi pelajaran yang dipelajari tidak luput daripada ingatan. Dalam konteks PdP al-Quran, penggunaan kaedah ini tidak syak dapat meningkatkan kelancaran pelajar dalam membaca al-Quran. Status sebagai seorang guru menuntut guru al-Quran untuk menguasai kelancaran bacaan al-Quran dalam pelbagai tempo. Mereka seharusnya dapat membaca al-Quran dalam tempo at-Tartil dengan lancar tanpa tersekat-sekat. Begitu juga dalam tempo bacaan yang lain seperti al-Hadr, at-Tadwir dan at-Tahqiq, mereka seharusnya dapat membaca al-Quran dalam pelbagai tempo tersebut dengan lancar tanpa tersekat-sekat.

Guru al-Quran juga perlu mempunyai kemahiran fasahah yang baik dalam bacaan al-Quran. Lazimnya, masalah berkaitan fasahah wujud disebabkan oleh gangguan daripada bahasa ibunda (Sabariah, 2011). Masalah ini dapat diatasi dengan mendalami ilmu berkaitan makhraj huruf dan sifat huruf dan juga penggunaannya dalam bacaan al-Quran (Sabariah, 2011). Merujuk kepada panduan pemarkahan majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa (2006), kemahiran fasahah merangkumi aspek-aspek berikut:

- i. Lancar sebutan huruf, lafaz dan ayat
- ii. Terpelihara segala baris dan *tashdid*

- iii. Betul dalam *waqaf* dan *ibtida'*
- iv. Terpelihara susunan ayat
  - v. Terpelihara daripada bernafas dalam bacaan
  - vi. Bacaan menurut *lahjah* Arab
  - vii. Bacaan yang cermat dan *tadabbur*.
- viii. Bacaan yang mengikut kesesuaian ayat
- ix. Memilih *waqaf jibril* dan *waqaf rumus*
- x. Dapat menyempurnakan ayat yang panjang dalam satu nafas

Selain itu, guru al-Quran juga dituntut untuk memperkemaskan diri dengan kemahiran tilawah secara bertajwid. Tuntutan ini tidak terbeban ke atas guru al-Quran semata-mata bahkan turut menyeluruh kepada semua orang Islam. Namun, sebagai seorang guru, guru al-Quran perlu menjadikan aspek ini sebagai keutamaan untuk menghindarkan diri daripada mengajarkan kemahiran al-Quran yang salah kepada pelajar. Para qura' terdahulu mendefinisikan tajwid sebagai memperbaiki di samping mengelakkan pencemaran sebutan atau bacaan al-Quran (Husni, 1973). Kenyataan ini menunjukkan kedudukan tajwid al-Quran yang sangat tinggi di samping kemahiran-kemahiran al-Quran yang lain. Penguasaan terhadap kemahiran ini penting untuk menjamin ketepatan sebutan dan bacaan dalam tilawah al-Quran sekali gus dapat memelihara makna dan mesej yang terkandung dalam ayat al-Quran yang dibaca (Mustapha Kamil, 2001). Berdasarkan kepada panduan pemarkahan majlis tilawah al-Quran peringkat antarabangsa (2006), kemahiran tajwid al-Quran terdiri daripada aspek-aspek berikut:

- i. Hukum nun dan mim sakinah dan tanwin
- ii. Makhraj dan sifat huruf
- iii. Hukum nun dan mim tashdid
- iv. Hukum ra dan lam
- v. Hukum saktah, imalah dan ibdal
- vi. Hukum tajwid yang lain
- vii. Riwayat Hafis Thoriq Syatibiyyah
- viii. Hukum mad asli dan far'i
- ix. Dapat menyempurnakan riwayat dengan sempurna
- x. Dapat menyamai kadar *mad*
- xi. Dapat menyempurnakan sifat *ghunnah* dengan tepat
- xii. Memelihara *wajah aula* dengan tepat
- xiii. Sempurna sebutan huruf dan sifatnya

Aspek kemahiran al-Quran lain yang perlu dikuasai oleh guru al-Quran ialah aspek bacaan secara bersanad. Menurut Hashim (2012), sanad bermaksud sandaran, sijil tauliah atau kesaksian, manakala dari sudut istilah, sanad bermaksud salasilah yang disebut (*al-Rijal*) jika disandarkan kepada perbincangan mengenai ilmu hadis dan (*al-Qurra'*) jika disandarkan kepada perbincangan ilmu Qiara'at. Beliau menambah, sanad juga merujuk kepada penganugerahan ijazah daripada seorang guru kepada murid sebagai akuan bagi mengesahkan bahawa muridnya telah selesai dalam pengajian al-Quran. Bentuk ijazah tersebut boleh jadi dalam bentuk kata-kata akuan daripada guru atau sanad salasilah guru yang bersambung pada setiap individu tanpa terputus dan bersambungan sehingga kepada Rasulullah SAW secara bertulis.

Hashim (2012) turut menegaskan bahawa, sanad perlu dihidupkan dan diikuti oleh setiap Muslim memandangkan ia adalah sunah daripada Rasulullah SAW. Kaedah untuk mendapatkan sanad ini pula tidak boleh dilakukan sesuka hati sebaliknya perlu didapati secara



bertalaqqi dan bermushafahah. Bacaan al-Quran secara bersanad perlu dimiliki oleh guru al-Quran untuk memastikan isi pelajaran mengenai kemahiran al-Quran yang disampaikan kepada pelajar adalah berpunca daripada sumber yang betul. Penganugerahan sijil ini juga menunjukkan kredibiliti pengajaran al-Quran guru yang tinggi. Kesannya, pelajar lebih terbuka untuk menerima ilmu yang diajar di samping yakin untuk mengamalkan ilmu yang dipelajari.


Di samping itu, guru al-Quran perlu menguasai qiraat riwayat Hafs 'An 'Asim kerana Imam 'Asim mempunyai sanad qiraat tertinggi sehingga beliau dengan Rasulullah SAW hanya dijarakkan oleh dua orang perantaraan sahaja iaitu dua silsilah sanad:

- i. 'Asim daripada Abu Abdul Rahman Al-Sulami daripada Ali bin Abi Talib RA daripada Rasulullah SAW Imam 'Asim telah mengajar bacaan riwayat ini kepada salah seorang muridnya iaitu Abu Umar Hafs bin Sulaiman;
- ii. 'Asim daripada Zirr bin Hubaisy daripada Abdullah bin Mas'ud daripada Rasulullah SAW Imam 'Asim mengajar bacaan riwayat ini kepada anak muridnya Abu Bakr Syu'bah bin 'Ayyasy.

Riwayat yang sahih daripada bacaan 'Asim ialah riwayat Hafs, beliau merupakan orang paling mahir mengenai selok belok bacaan 'Asim melebihi seorang lagi murid 'Asim iaitu Shu'bah (Abdul Muhaimin et al., 2013). Bacaan al-Quran melalui riwayat ini tersebar secara meluas ke serata dunia melalui para pelajar Imam Hafs yang rajin dan gigih. Tidak hairan jika bacaan ini merupakan ikutan sebahagian umat Islam pada masa kini (Abdul Muhaimin et al., 2013).

### **Model Konsep**

Berdasarkan kepada teori PPK Shulman (1986), Ibn Khaldun (2000) dan al-Qabisi (1955) dalam Rajah 1 di atas, boleh disimpulkan bahawa PPK pengajaran tajwid al-Quran terdiri daripada lima elemen iaitu pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan tentang pelajar, pengetahuan kurikulum dan kemahiran al-Quran guru. Rajah 2 di bawah merupakan interaksi elemen PPK dalam pengajaran tajwid al-Quran dalam membentuk pencapaian tajwid al-Quran yang cemerlang dalam kalangan pelajar KKQ. PPK guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran dijangka berkembang secara berbeza-beza berdasarkan faktor demografi seperti jantina, latar belakang universiti, sijil bersanad, lokasi sekolah dan pengalaman mengajar. Faktor-faktor tersebut dijangka berpengaruh terhadap perbezaan tahap PPK dalam kalangan guru KKQ. Misalnya dalam aspek jantina, wujud kemungkinan guru lelaki mempunyai tahap pengetahuan PPK yang lebih tinggi dalam pengajaran tajwid al-Quran berbanding guru KKQ perempuan atau sebaliknya. Begitu juga dalam aspek latar belakang universiti, berkemungkinan guru keluaran universiti luar negara mempunyai tahap PPK dalam pengajaran tajwid al-Quran yang lebih tinggi daripada guru keluaran universiti dalam negara. Begitulah seterusnya dalam aspek-aspek demografi yang lain. Kewujudan tahap PPK yang tinggi dalam kalangan guru KKQ secara tidak langsung memberi impak positif terhadap proses pengajaran dan pembelajaran tajwid al-Quran dalam KKQ. Shulman (1986) menjelaskan bahawa, kewujudan tahap PPK yang tinggi menjadikan pengajaran lebih berkesan. Perkara ini secara tidak langsung menjadikan pelajar mudah faham di samping dapat menyerap segala isi pelajaran tajwid al-Quran yang disampaikan dengan mudah. Pada akhirnya, fenomena ini memberi kesan terhadap pencapaian cemerlang pelajar KKQ dalam pelajaran tajwid al-Quran.



**Rajah 2: Aliran Konseptual Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Tajwid al-Quran.**

### Kesimpulan

Melalui sorotan ini, boleh dirumuskan bahawa elemen PPK yang perlu dikuasai oleh guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran terdiri daripada pengetahuan isi kandungan, pengetahuan pedagogi, pengetahuan terhadap pelajar, pengetahuan kurikulum dan kemahiran al-Quran. Elemen-elemen PPK ini tidak boleh berdiri sendiri, sebaliknya perlu dikuasai oleh guru KKQ secara sekali gus untuk membentuk pengajaran berkesan. Oleh itu guru KKQ perlu berusaha dan mengambil inisiatif untuk meningkatkan setiap elemen PPK yang dinyatakan di atas. Antara usaha yang boleh dilakukan oleh guru KKQ ialah menghadiri kursus yang mempunyai kaitan dengan elemen PPK pengajaran tajwid al-Quran. Selain itu, guru KKQ juga boleh mengambil inisiatif untuk mengadakan majlis perkongsian ilmu dalam kalangan guru KKQ.

Pengabaian terhadap salah satu daripada elemen PPK ini dapat merencatkan keberkesanan pengajaran tajwid al-Quran. Kebarangkalian wujudnya miskonsepsi pelajar KKQ boleh berlaku. Ini kerana, pelajar dalam kelas KKQ terdiri daripada pelajar yang mempunyai tahap kognitif yang berbeza-beza dan sudah pasti mengamalkan kaedah pembelajaran yang pelbagai. Pelajar KKQ yang berprestasi tinggi dalam pelajaran berkemungkinan tidak menghadapi masalah untuk memahami isi pelajaran yang disampaikan oleh guru KKQ. Namun, hal sebaliknya boleh berlaku bagi pelajar yang kurang berprestasi dalam pelajaran. Golongan pelajar ini sukar untuk menguasai isi pelajaran yang disampaikan oleh guru KKQ dalam masa yang singkat. Ditambah pula dengan kelemahan proses pengajaran oleh guru KKQ akibat

penguasaan yang lemah dalam PPK tajwid al-Quran. Kelemahan ini menyebabkan usaha untuk membimbing pelajar supaya dapat membaca al-Quran mengikut hukum dan kaedah tajwid al-Quran yang betul tidak dapat direalisasikan oleh guru KKQ.

Dalam konteks teoritikal, kertas konsep ini telah mengetengahkan kerangka pengetahuan pedagogikal kandungan (PPK) guru KKQ dalam pengajaran tajwid al-Quran. Kajian lanjut perlu dilaksanakan untuk mengkaji kesepadanan antara model cadangan ini dengan amalan PPK yang sebenar dalam pengajaran tajwid al-Quran sekali gus melakukan penambahbaikan terhadap model ini supaya dapat memberikan sumbangan teoritikal keilmuan dan dapat meningkatkan amalan pengajaran tajwid al-Quran di sekolah.

## Rujukan

- Abdul Fattah Abu Ghuddah. (2011). *Rasulullah pendidik terulung: 40 teknik mengajar Rasulullah*. Terj. Hj Shuhadak Mahmud. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media.
- Abdul Halim A. Rahman. (1999). *Penilaian guru terhadap kandungan kurikulum Pendidikan Ekonomi Asas SPM KBSM: Satu kajian kes di Kemaman, Terengganu*. (Disertasi Sarjana). Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Abdul Halim El-Muhammady. (1990). Al-Quran dan pembelajarannya di Malaysia. *Jurnal Pendidikan Islam*, 3(3), 1-12.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusop, Kamisah Osman, Shahrin Awalludin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. (2004). *Keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar*. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Bahagian Kurikulum Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abdul Muhaimin Ahmad, Mahyuddin Hashim, Norakyairee Mohd Raus, Muhammad Hafiz Saleh & Mohd Zaini Zakaria. (2013). *Modul tilawah al-Quran menurut riwayat Hafis 'An 'Asim: Kajian terhadap mahasiswa pengajian Islam IPTA Malaysia*. Laporan Penyelidikan. Fakulti Pengajian Quran dan Sunah. Negeri Sembilan.
- Ahmad Yunus Kasim. (2011). *Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam*. (Tesis Doktor Falsafah). Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Ali Murad, Yahya Hasan. (2003). *Adab al-'alim wa al-muta'allim 'ind al-mufakkirin al-muslimin min muntasif al-qarn al-thani al-hijri wa hatta nihayah al-qarni al-sabi'*. Beirut: Dar Kutub al 'Ilmiyyah.
- Azri Kifli, Jahidih Saili & Azmil Hashim. (2020). Pengaruh Faktor Minat, Motivasi, Persekitaran Sekolah, Kaedah Pembelajaran Pelajar dan Strategi Pengajaran Guru Terhadap Tahap Literasi Pelajar dalam Bidang Qiraat. *Jurnal Tinta Artikulasi Membina Ummah*, 6 (2), 24-33.
- Al-Ghazali, Abi Hamid Muhammad bin Muhammad. (1997). *Ihya Ulum al-Din*. Qahirah : Maktabah Misr.
- Al-Qabisi. Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. (1955). *Ar-Risalah al-Mufassolah li ahwal al-mua'allimin wa ahkam al-mua'allimin wal muta'alimin*. Kaherah: Dar Ehya' al-Kutub alArabiyyah.
- As-Syaibany, Omar Muhammad al-Toumy. (1991). *Falsafah Pendidikan Islam*. Terj. Hassan Langgulung. Shah Alam: Hizbi.
- Azizi Yahaya and & Norhashimah Ismail. (2011). Faktor-faktor pemilihan kursus dan masalah-masalah pembelajaran dalam mempengaruhi pencapaian akademik pelajar tingkatan

- empat aliran teknikal di tiga buah sekolah menengah teknik di Negeri Sembilan. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education*, 2, 93-106.
- Azman Ali. (1998). Pendidikan Malaysia: Acuan Melahirkan Pensyarah Bestari. *Jurnal Pendidikan*, 17, 89-95.
- Azmil Hashim. (2010). *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Al-Quran di Darul Quran Jakim dan Maahad Tahfiz Al-Quran Negeri (MTQN)*. (Tesis Doktor Falsafah). Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Bloom, B.S. (1982). *Human characteristics and school learning*. New York: McGraw Hill Co.
- Chew Fong Peng & Abdul Jalil Othman. (2008). Pengabaian kemahiran mendengar dan bertutur dalam bilik darjah di sekolah menengah: Punca, masalah dan kesannya di Malaysia. *Sosiohumanika*, 1(1).
- Chia Lai Lai & Abdul Rahim Hamdan. (2012). Pengajaran Efektif dan Kerangka untuk Pengajaran. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan IPTA, Universiti Teknologi Malaysia, Johor.
- Davis, K. & Newstrom, J.W. (1985). *Human behavior at work: organizational behavior*. Singapore: Mc Graw Hill.
- Dorahim Bin Maidin & Ab Halim Tamuri. (2011). *Tinjauan kaedah pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran*. Kertas kerja dibentangkan dalam 2<sup>nd</sup> International Conference on Islamic Education 2011, Bangi Selangor.
- Dunn, R.S. & Dunn, K.J. (1978). *Teaching students through their individual learning style: A practical approach for grades 3-6*. Mass: Allyn & Bacon.
- Eadil Mat. (2010). *Kelas Khas Kemahiran al-Qur'an (KKQ): Kajian Kaedah Pelaksanaan dan Keberkesanannya di Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) di Daerah Gombak, Selangor*. (Tesis Sarjana). Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Esah Sulaiman. (2004). *Pengenalan pedagogi*. Johor: Penerbit UTM Press.
- Fathiyah Mohd Fakhruddin, Nor Hayati Alwi, Azimi Hamzah, Lukman Abd. Mutalib. (2013). Pemahaman dan pengalaman guru pendidikan Islam menerapkan elemen amalan dalam pengajaran. *Online Jurnal Of Islamic Education*, 1(1).
- Ghazali Darusalam. (2001). *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Hanafi Mohamad. (1996). *Falsafah pendidikan menurut al-Quran*. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Haniza Abdul Khalid. (2003). *Attitude and motivation toward English as a Medium of Instruction*. (Kertas Projek Program Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Hashweh, M. Z. (1987). Effects of subject matter knowledge in the teaching of biology and physics. *Teaching and Teacher Education*, 3(2), 109-120.
- Honey & Mumford. 1992. *The manual of learning styles edisi ke-2*. Maidenhead: Peter Honey.
- Howey, K. (1999). Designing coherent and effective teacher education programs. Dlm Sikula, J. (pnyt.). *Handbook of research on teacher education*, 2, 143-169.
- Husni Sheikh Othman. (1973). *Haq al-Tilawah*. Jordan. Maktabah al-Manar.
- Ibn Khaldun. (2000). *Muqadimah Ibn Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Ibrahim Mamat. (1997). *Memimpin remaja sekolah teori dan praktik*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Kamarul Azmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah P&P*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.

- Kamarul Azmi Jasmi. (2010). *Guru Cemerlang Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Malaysia*. (Tesis Doktor Falsafah). Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Kamarudin Husin. (1988). *Pedagogi bahasa*. Kuala Lumpur: Longman (M).
- Mahyuddin Ashaari. (2001). Strategi Pendekatan Penyayang dalam pendidikan. *Jurnal Pendidikan Islam*, 9(3), 1-7.
- Marks, R. (1990). Pedagogical content knowledge: From a mathematical case to a modified conception. *Journal of Teacher Education*, 41(3), 3-12.
- Miqdad Yaljin. (1986). *Usul al-Tarbiyyah al-Islamiyyah*. Riyadh: Universiti Imam Muhammad al-Saud al-Islamiyyah.
- Mohd Faudzi Umar & Fatimah Aini. (2011). *Perbandingan sikap dan minat di antara pelajar sekolah bandar dan luar bandar di hilir perak terhadap mata pelajaran fizik*. Kertas kerja dibentangkan dalam seminar Seminar Kebangsaan Pendidikan Lestari, Kota Kinabalu, Sabah.
- Mohd Faisal Mohamed. (2007). Pendidikan al-Quran dalam pembinaan generasi Hadhari. Dalam Nik Azis Nik Pa, Rahimi Md. Saad & Ahmad Zabidi Abd. Razak (Ed.), *Isu-isi kritikal dalam pendidikan Islam dan pendidikan bahasa Arab berteraskan pendekatan Islam Hadhari* (pp. 35-56). Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.
- Mohamad Mohsin Mohamad Said & Nasruddin Yunos. (2008). Peranan guru dalam membentuk kreativiti pelajar. *Jurnal Pengajian Umum Asia Tenggara* 9: 57-71.
- Mohd Abbas Abdul Latif & Farihatun Nadia Yaacob. (2010). *Persepsi pelajar terhadap program membudayakan al-Quran dalam meningkatkan tahap keupayaan pembacaan al-Quran mengikut hukum tajwid. Satu kajian di SMK Dato Bentara Luar*. pp. 1-11.
- Mohd. Aderi Che Noh. (2011). Pelaksanaan Kelas Kemahiran Al-Qur'an di Malaysia: Satu Analisis. *Journal of Islamic And Arabic Education*, 3(1), 47-58.
- Mohd. Safwan Salleh. (2007). *Penyeliaan Kelas Kemahiran al-Qur'an di Sekolah Menengah Kebangsaan: Kajian di Jabatan Pendidikan Kelantan*. (Tesis Sarjana). Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohd. Yusuf Ahmad. (2005). *Sejarah dan kaedah pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mustapha Kamil Che Pa. (2001). *Pencapaian Tajwid di Kalangan Pelajar-Pelajar Maahad Tahfiz: Satu Kajian Kes*. (Tesis Sarjana). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Noor Azimah Surip & Ab. Halim Tamuri. (2010). Kaedah hafazan tilawah al-Quran dalam pendidikan Islam. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia ICIED 2010 m/s 489-501.
- Rasinski, T.V.. (1990). Effect of repeat reading and listening-while-reading on reading fluency. *Journal Of Educational Research*, 83(3).
- Razali Arof. (1991). *Pengantar Kurikulum*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohizani Yaakub, Shahabudin Hashim, & Mohd Zohir Ahmad. (2005). *Pedagogi: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Bentong. PTS Publication & Distribution Sdn. Bhd.
- Rosie Turner-Bisset. (2004). *Pengajaran pakar*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Malaysia.
- Sabariah Othman. (2011). *Masalah penyebutan huruf al-Qur'an di kalangan saudara baru: Satu kajian kes*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Salehudin Sabar & Mahadi Khalid. (2005). Kertas konsep faktor-faktor graduan berkerjaya memilih kursus perguruan lepas ijazah pengkhususan sekolah rendah. *Jurnal Penyelidikan MPBL*, 6, 35-52.
- Shulman, L.S. (1986). *Those who understand: Knowledge growth in teaching*. Educational Researcher, 15(2), 4-14.

- Tengku Zawawi Tengku Zainal. (2005). *Pengetahuan Pedagogi Isi Kandungan Bagi Tajuk 'Pecahan' Di Kalangan Guru Matematik Sekolah Rendah*. (Tesis Doktor Falsafah). Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor.
- Wiseman, D. L., Cooner, D. D. & Knight, S. L. (1999). *Becoming a teacher in a field based setting: An introduction to education and classrooms*. USA:Wadsworth Publishing Company.
- Yusuf Al-Qardhawi. (2003). *Sunnah: Sumber ilmu dan peradaban*. Penterjemah. Muhammad Firdaus. International Islamic Thought Malaysia. Selangor.
- Zainudin & Tengku & Suhashila & Mohad. Najib & Hamdan. (2007). *Tahap penggunaan alat bantu mengajar di kalangan guru pelatih*. Kertas kerja dibentangkan dalam Seminar Penyelidikan Pendidikan Institut Perguruan Batu Lintang, Batu Lintang, Sarawak.
- Zamri Mahamod. (2011). *Inovasi P&P dalam pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.